

**PERUBAHAN PENTADBIRAN DAERAH DAN
TANAH DI BALIK PULAU, PULAU PINANG
1888-1956**

MOHD NASSER BIN MALIM

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2016**

**PERUBAHAN PENTADBIRAN DAERAH DAN
TANAH DI BALIK PULAU, PULAU PINANG
1888-1956**

Oleh

MOHD. NASSER BIN MALIM

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi
keperluan bagi Ijazah Sarjana Sastera**

Mac 2016

PENGAKUAN

Saya akui tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

15 MAC 2016

**MOHD. NASSER BIN MALIM
S-HM0056/11(R)**

PENGHARGAAN

Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinannya tesis ini dapat disiapkan dalam tempoh waktu yang ditetapkan. Dalam ruangan ini, penulis ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abu Talib bin Ahmad selaku penyelia tesis ini di atas segala tunjuk ajar dan bimbingan beliau sepanjang proses pembikinan tesis ini. Rakaman penghargaan juga ditujukan kepada ayahanda yang dikasihi Malim bin Man, bonda yang dikasihi Azizah binti Talib, isteri tersayang Zalina binti Abdul Rahman dan puteri-puteriku yang dikasihi iaitu Nur Raihan Adni, Nur Iman Nasoha dan Nur Izzati Mardhiyah atas pengorbanan, doa dan sokongan yang diberikan. Tidak dilupakan rakan dan kenalan penulis yang sentiasa memberi pandangan dan juga teguran. Ucapan penghargaan ini juga ditujukan kepada kakitangan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, Arkib Negara Malaysia Cawangan Pulau Pinang, Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah/Perlis, Perpustakaan Hamzah Sendut Universiti Sains Malaysia, Persatuan Melayu Pulau Pinang, Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya dan Pejabat Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM. Akhir sekali, sekalung budi untuk semua pihak yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha membantu penulis menyiapkan tesis ini.

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
PENGAKUAN	
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	vi
ISTILAH MELAYU-MUSLIM	vii
SENARAI KEPENDEKAN	viii
ABSTRAK	ix
ABSTRACT	x
BAB 1 PENGENALAN	
Latar Belakang Kajian	1
Tinjauan Literatur	7
Objektif Kajian	11
Skop Kajian	12
Metodologi	13
Signifikan Kajian	14
BAB 2 PERKEMBANGAN SOSIO-EKONOMI PENDUDUK BALIK PULAU 1888-1956	
Latar Belakang Balik Pulau Secara Umum	16
Pentadbiran Balik Pulau dan Kegiatan Penduduk Secara Umumnya	21
Aktiviti Sosio-Ekonomi Masyarakat Melayu	27
Perkembangan Penanaman Padi di Balik Pulau	29
Perkembangan Penanaman Getah	51
Penternakan Haiwan, Penanaman Buah-Buahan dan Sayur-sayuran	58

BAB 3 PENTADBIRAN DI BALIK PULAU SEBELUM 1888

Penghulu Sebagai Pemimpin	66
Pentadbiran Balik Pulau di Zaman Pra-kolonial	71
Peranan Penghulu di Balik Pulau Sebelum 1888	72

BAB 4 KEDATANGAN BRITISH DAN PERUBAHAN PENTADBIRAN DI BALIK PULAU

Struktur Pentadbiran British	77
Pentadbiran Pejabat Daerah Balik Pulau	77
Peranan Pegawai Daerah 1888-1956	80
Peranan Penghulu Kerajaan	89
Keberkesanan Pentadbiran British dibandingkan dengan Pentadbiran Tradisional	101
Peranan Lembaga Luar Bandar dan Lembaga Kampung	111

BAB 5 PENTADBIRAN TANAH DI BALIK PULAU 1888-1956

Pentadbiran Tanah di Pulau Pinang Sebelum 1888	116
Struktur Pentadbiran Tanah British	123
Pengenalan Sistem Torrens	125
Peraturan Baharu yang diperkenalkan	128
Pelan Tiga Tahun Pembangunan Tanah	132
Pendudukan Tanah TOL (Temporary Occupation License)	133
Pengurangan Kadar Cukai Tanah Akibat Perang	135
Pengukuran Semula Tanah	136
Peraturan Hak Milik Tanah dan Pembaharuan Undang-undang dan Peraturan Tanah	137
Pentadbiran Tanah Selepas Pendudukan Jepun	138
Ordinan Pelanggaran Tanah Kerajaan	141
Ordinan Tanah Bukit dan Pindaan	143

Ordinan Penanaman Padi 1930	147
Kesan pelaksanaan peraturan baharu tanah kepada penduduk Balik Pulau	150
BAB 6 KESIMPULAN	153
BIBLIOGRAFI	158

SENARAI JADUAL

HALAMAN

Jadual 1:1	Perbandingan Jumlah Penduduk Pulau Pinang Pada Tahun 1786 dan 1860	2
Jadual 1:2	Perbandingan Jumlah Penduduk Province Wellesley Pada Tahun 1786 dan 1860	3
Jadual 2:1	Perbandingan Jumlah Penduduk Pulau Pinang Pada Tahun 1881-1891	21
Jadual 2:2	Perbandingan Penduduk Pulau Pinang dan Balik Pulau 1901-1931	22
Jadual 2:3	Jumlah Penduduk Balik Pulau 1947	24
Jadual 2:4	Jadual Penanaman Padi 1947	36
Jadual 2:5	Bayaran Pendahuluan Kepada Penghulu	40
Jadual 2:6	Perolehan Padi Sawah 1949	44
Jadual 2:7	Hasil Padi Bagi Tahun 1951/1952-1954/1955 (dalam gantang se ekar)	48
Jadual 5:1	Tanah-tanah Yang Diberikan Geran atau Surat Izin Yang Lain Sebelum 1797	119
Jadual 5:2	Laporan Urusan Tanah di Balik Pulau 1894	128
Jadual 5:3	Kawasan Hutan Simpan di Balik Pulau 1941	129
Jadual 5:4	Kutipan Cukai Tanah Pulau Pinang 1882-1885	134

ISTILAH MELAYU

Mengikut takrif di dalam Perlembagaan Persekutuan, “ Melayu “ ertinya seseorang yang menganuti agama Islam, lazim bercakap Bahasa Melayu, menurut adat istiadat Melayu dan lahir, sebelum Hari Merdeka, di Persekutuan atau di Singapura, atau ibu atau bapanya telah lahir di Persekutuan atau Singapura, atau pada Hari Merdeka itu, ia adalah berdomisil di Persekutuan atau di Singapura; atau ia adalah keturunan seseorang yang tersebut;

SENARAI KEPENDEKAN

BMA	-	British Military Administration
CO	-	Colonial Office
DOBP	-	Pejabat Daerah Balik Pulau
IMF.P	-	Jabatan Penerangan Negeri Pulau Pinang
JMBRAS	-	Journal of Malayan/Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society
MBRAS	-	Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society
PENY	-	Penyunting
PMA	-	Penang Malay Association
PKMM	-	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Malaya
PGSC	-	Penang Gazette and Straits Chronicle
PPPG	-	Pejabat Penerangan Negeri Pulau Pinang
SHTI	-	Syarikat Hindia Timur Inggeris
SUK	-	Setiausaha Kerajaan Negeri
SWD	-	South West District
UMNO	-	United Malay National Organisation

**PERUBAHAN PENTADBIRAN DAERAH DAN TANAH DI BALIK PULAU,
PULAU PINANG, 1888-1956**

ABSTRAK

Kajian ini adalah mengenai perkembangan Balik Pulau yang bermula dengan pembukaannya pada pertengahan 1840-an sehingga menjadi sebuah kawasan penempatan yang penting kepada negeri Pulau Pinang. Kajian ini juga memberi gambaran menyeluruh dan lengkap mengenai corak pentadbiran Balik Pulau secara tradisional dan semasa pendudukan British. Selain itu, kegiatan sosio-ekonomi masyarakat Balik Pulau dan pentadbiran tanah turut diberikan perhatian dalam kajian ini. Sumber-sumber yang digunakan ialah fail-fail jabatan kerajaan, transkripsi surat menyurat Francis Light 1780-1790, rekod-rekod negeri-negeri selat 1797-1880, buku tulisan para sarjana dan koleksi akhbar sebelum merdeka. Hasil kajian mendapati pentadbiran British telah berjaya melakukan perubahan kepada perkembangan dan kemajuan Balik Pulau melalui beberapa pendekatan seperti menyusun semula pentadbiran kampung dan mukim, menubuhkan Pejabat Daerah Balik Pulau, membangunkan prasarana dan infrastruktur Balik Pulau, serta memantap dan menambahbaikkan sektor pertanian dan perladangan. Di samping itu, British juga memperkenalkan peraturan dan undang-undang tanah selaras dengan perkembangan pentadbiran tanah di semenanjung tanah melayu. Hasilnya British telah berjaya mengubah landskap Balik Pulau dari sebuah kawasan mundur menjadi sebuah bandar dan daerah yang moden. Hasil kajian ini diharap dapat mencetuskan minat ahli akademik dan sejarawan untuk terus mengkaji dan menyelidik sejarah Balik Pulau.

**CHANGE OF DISTRICT ADMINISTRATION AND LAND IN BALIK PULAU,
PENANG, 1888-1956**

ABSTRACT

This research, study about the development of district's administration and land in Balik Pulau, a town in Southwest Penang Island district, between the year 1888 and 1956. The town was opened in the mid-1840s and has been developed into one of the significant settlements in Penang. This research draws the complete overview about the administrative pattern of Balik Pulau during its early days and during it was occupied by the British. In addition, this research also put forward the socio-economic activities and the land administration in Balik Pulau. The sources used in this research area the files from several relevant government departments, the Francis Light's transcription of correspondence 1780-1790, the records of the Straits Settlements 1797-1880, scholar's journals and publications and local newspaper collections dated before the year 1957 (Malaya's Independence). It was found that, during its occupation, British had successfully made changes to the landscape of Balik Pulau and transformed it from a small undeveloped town into a modern township. The changes were made through several approaches including restructuring the administration of village and sub-districts, established the Balik Pulau District Office, developed infrastructures and improved the agriculture and plantations sectors in the town. British also introduced the laws and rules of the land in accordance with the development of the land administration in Malaya. This research is expected to spark the interest of academics and historians to explore and further study the history of Balik Pulau.

BAB 1

PENGENALAN

1. Latar Belakang Kajian

Kajian mengenai Balik Pulau amat terhad dan terlalu sedikit kerana kekurangan sumber primer samada dari dalam atau luar negara. Sumber kedua seperti buku dan tesis juga sangat sedikit yang menyentuh mengenai Balik Pulau secara terperinci dan mendalam. Ketiadaan satu peristiwa menarik atau luar biasa yang berlaku di tempat tersebut merupakan faktor utama para pengkaji jarang menyentuh Balik Pulau dalam kajian dan penyelidikan mereka. Namun begitu, Balik Pulau sebenarnya sangat unik kerana dibuka dan dibangunkan oleh orang tempatan khususnya orang Melayu¹ yang datang dari utara semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera, sebelum British mentadbir sepenuhnya di bawah pentadbiran Pejabat Daerah Barat Daya yang berpusat di Balik Pulau.

Di bawah pentadbiran British, Pulau Pinang kemudiannya muncul sebagai sebuah pelabuhan dan pusat perdagangan yang terkenal di Selat Melaka khususnya di kawasan utara. Ini disebabkan oleh polisi Francis Light yang ingin memajukan negeri itu melalui dasar-dasar ekonomi bebas atau *laissez-faire*. Dasar-dasar ini telah menggalakkan kehadiran pelbagai etnik dan kaum yang terdiri dari orang Cina, India dan Melayu yang datang dari utara Sumatera, Semenanjung Tanah Melayu dan selatan Thai. Selain itu, faktor utama penghijrahan penduduk Melayu dari negeri Kedah, Patani dan Aceh adalah disebabkan senario politik yang terdapat di negeri-negeri tersebut dengan masing-masing

¹ Mengikut takrif di dalam Perlembagaan Persekutuan, "Melayu" ertinya seseorang yang menganuti agama Islam, lazim bercakap Bahasa Melayu, menurut adat istiadat Melayu dan lahir, sebelum Hari Merdeka, di Persekutuan atau di Singapura, atau ibu atau bapanya telah lahir di Persekutuan atau Singapura, atau pada Hari Merdeka itu, ia adalah berdomisil di Persekutuan atau di Singapura; atau ia adalah keturunan seseorang yang tersebut;

berada di dalam keadaan tidak tenteram akibat kekacauan dan peperangan. Bermula pada tahun 1786 hingga tahun 1860, jumlah orang Melayu lebih ramai berbanding orang Cina dan India. Peningkatan penduduk Melayu di Pulau Pinang dan Seberang Perai disebabkan oleh serangan Siam terhadap Kedah pada tahun 1821.²

Jadual 1:1 Perbandingan Jumlah Penduduk Pulau Pinang Pada Tahun 1786 dan 1860

Tahun	Melayu	Cina	India
1786	100	-	-
1812	6504	7291	7011
1820	8681	8270	8198
1830	11943	8963	8858
1842	18442	9715	9681
1850	16570	15457	7840
1860	18887	28018	10618

(Sumber : Muhammad Haji Salleh, *Sejarah Awal Pulau Pinang*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2008)

² Muhammad Haji Salleh, *Sejarah Awal Pulau Pinang*, Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia, 2008, hlm. 49.

Jadual 1:2 Perbandingan Jumlah Penduduk Province Wellesley
Pada Tahun 1786 dan 1860

Tahun	Melayu	Cina	India
1786	500	-	-
1812	3350	267	72
1820	5399	325	338
1827	17805	951	654
1833	41702	2239	1087
1844	44271	4107	1815
1851	53010	8731	1013
1860	52836	8204	3514

(Sumber : Muhammad Haji Salleh, *Sejarah Awal Pulau Pinang*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2008)

Mengikut bancian yang dilakukan pada tahun 1881 dan 1891, kebanyakan penduduk Pulau Pinang terdiri dari pelbagai bangsa dan suku kaum. Bagi penduduk Melayu, mereka terdiri daripada orang Orang Aceh, Boyan, Bugis, Dayak, Jawa, Jawi-Pekan, Melayu dan *Manilamen*. Sementara orang Cina pula terdiri dari suku kaum *Cantonese*, Hokkien, Hailam, Kheh, *Straits-born* dan Teo-Chew. Orang India dari benua kecil India pula terdiri dari orang Benggala,³Punjabi, Burma dan Tamil. Kategori lain-

³ Orang Benggala merujuk kepada penduduk dari wilayah Bengala di timur India bersempadan dengan Burma. Sebahagian wilayah tersebut kini dikenali sebagai Bangladesh.

lain pula ialah Afrika, *Annamese*, Arab, Parsi, Armenia, Jepun, Yahudi, Siam dan Sinhala.⁴

Namun di sebalik kepesatan jumlah penduduk pelbagai kaum di Pulau Pinang terutamanya di George Town dan Seberang Perai, terdapat juga penempatan-penempatan baharu yang dibuka di kawasan pulau iaitu Balik Pulau. Pembukaan kampung-kampung baharu di Balik Pulau bermula pada tahun 1786 ekoran penghijrahan beramai-ramai penduduk Aceh, Kedah, Perlis dan selatan Thai terutamanya Patani ke Pulau Pinang. Kumpulan imigran ini menggunakan jalan laut dan menyusur jauh dari kawasan bandar yang telah dihuni oleh penduduk dan penjajah British ke satu kawasan baharu yang belum diterokai. Terdapat tiga gelombang kedatangan masuk imigran ke Balik Pulau. Gelombang pertama bermula apabila Francis Light membuka Pulau Pinang pada 1786 di mana orang-orang Melayu dari Perlis dan Deli telah membuka Balik Pulau. Menurut cerita Haji Brunei atau Haji Mahomed Salleh, Tukang Ko dari Perlis dan Lebai Tampak dari Deli telah membuka Balik Pulau beberapa tahun selepas pendudukan British.⁵ Gelombang kedua bermula apabila orang Melayu dari Kedah, Perlis dan selatan Thai yang lari dari keganasan dan serangan tentera Siam serta keadaan politik yang tidak tenteram akibat peperangan antara Ligor, Kedah dan Patani.⁶ Selain itu orang-orang Aceh juga turut sama berhijrah ke Pulau Pinang akibat persengketaan dengan Belanda pada tahun 1824.⁷ Mereka dipercayai membuka petempatan di Pantai Aceh dan Teluk

⁴ *Census of Penang, Province Wellesley and Dindings, 1881*, Straits Settlements (S.S) Blue Book 1882. Hlm.18.

⁵ Nabir Abdullah, "Dasar Tanah Kerajaan di Pulau Pinang, 1786-1840-an: Perkembangan dan masalah pentadbirannya", Tesis yang tidak diterbitkan, 1993, hlm. 222.

⁶ Janet Pillai, *My Balik Pulau Discover Balik Pulau*, Pulau Pinang : Persatuan Pendidikan Seni Pulau Pinang, 2010, hlm. 2.

⁷ Perhubungan perdagangan antara Aceh dan Pulau Pinang telah berkembang dengan pesat sebaik Pulau Pinang diduduki oleh Inggeris pada tahun 1786. Walau bagaimanapun, kesan dari Perjanjian Inggeris – Belanda 1824, menyebabkan Aceh dikuasai oleh Belanda. Akibatnya, ramai penduduk Aceh telah

Bahang.⁸ Gelombang ketiga pula berlaku akibat Perang Dunia Kedua (1941-1945) yang menyebabkan orang-orang Cina dari pusat bandar George Town turut berhijrah ke pekan Balik Pulau untuk memulakan kehidupan baharu selepas menghadapi kesulitan semasa pendudukan Jepun. Mereka turut mendiami kawasan lereng bukit di Balik Pulau kerana khuatir dengan ancaman pihak Jepun.⁹

Kajian ini bertumpu kepada pentadbiran Balik Pulau serta pentadbiran tanah yang dilakukan oleh British dan masyarakat Melayu dalam memaju dan membangunkan kawasan tersebut daripada sebuah kawasan hutan yang belum diterokai sehingga wujudnya sebuah bandar seperti yang ada pada hari ini. Juga akan disentuh pentadbiran tanah yang dilakukan oleh Inggeris sehingga membolehkan kawasan ini berkembang dari sebuah mukim yang terpinggir ke bandar yang lebih maju dan moden dengan pembinaan infrastruktur dan prasarana yang lengkap. Kajian ini juga akan menyentuh kepentingan tanah pertanian kepada negeri Pulau Pinang dalam membekalkan sumber makanan utama penduduk. Selain itu, kajian ini akan menghujahkan kepentingan mukim ini yang memberi impak kepada pembangunan negeri Pulau Pinang. Pengkaji sejarah Pulau Pinang, Mahani Musa dalam *Kongsi Gelap Melayu Di Negeri-Negeri Utara Pantai Barat Semenanjung Tanah Melayu 1821-1940-an* hanya menyentuh sedikit mengenai kumpulan kongsi gelap dari Balik Pulau tetapi tidak memberikan maklumat lanjut mengenai kumpulan tersebut.¹⁰ Oii Keat Gin pula dalam *Warisan Wilayah Utara Semenanjung Malaysia* juga menyentuh sedikit mengenai pembukaan Balik Pulau tetapi tidak

melarikan diri dari negeri tersebut untuk bernaung di bawah pentadbiran Inggeris di Tanah Melayu termasuk Pulau Pinang. Untuk keterangan lanjut sila lihat Salina Haji Zainol, *Hubungan Perdagangan Aceh dengan Pulau Pinang*, Kuala Lumpur:Universiti Malaya, 2005, hlm. 26.

⁸ Temubual dengan Haji Jamaluddin bin Darus di Kampung Kongsi, Balik Pulau pada 25.3.2011.

⁹ Janet Pillay, *My Balik Pulau Discover Balik Pulau*, hlm. 2.

¹⁰ Mahani Musa, *Kongsi Gelap Melayu di Negeri-negeri Utara Pantai Barat Semenanjung Tanah Melayu 1821-1940*, Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, 2003, hlm. 25.

mengulas lanjut mengenai pentadbiran tanah dan daerah.¹¹ Muhammad Haji Salleh dalam *Sejarah Awal Pulau Pinang* juga tidak menyentuh mengenai Balik Pulau walaupun beliau membicarakan mengenai sejarah pembentukan daerah-daerah yang terdapat di negeri ini.¹² *Memoir Francis Light* yang diterbitkan di dalam *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society* pada 1895 juga tidak menyentuh mengenai Balik Pulau.¹³ Koleksi surat menyurat Francis Light 1780-1790 yang dirujuk juga tidak menyentuh mengenai Balik Pulau dan pentadbirannya sebelum pendudukan British.¹⁴ Selain itu, koleksi rekod-rekod dari Arkib Negara India juga tidak menyentuh mengenai kewujudan Balik Pulau sebaliknya hanya menyentuh mengenai Pulau Pinang, Kedah dan Negeri-negeri Melayu.¹⁵

Latihan ilmiah mengenai Balik Pulau yang disediakan oleh Siti Hajar Ismail pada tahun 1993 juga masih mempunyai kelompangan mengenai pentadbiran tanah di Balik Pulau di mana beliau tidak menerangkan mengenai isu-isu berkaitan tanah dan undang-undang atau peraturan berkaitan dengannya.

Kajian beliau bertajuk “Sejarah dan Perkembangan Balik Pulau Sebelum Merdeka”¹⁶ antaranya membincangkan sejarah awal petempatan orang-orang Melayu di Balik Pulau. Beliau membuat kesimpulan mengenai tarikh serta asal usul kedatangan orang Melayu ke Balik Pulau dengan berpandukan sumber kedua. Beliau juga menyentuh perkembangan institusi pentadbiran Pejabat Daerah Balik Pulau dan kegiatan politik di

¹¹ Oii Keat Gin(Peny.), *Warisan Wilayah Utara Semenanjung Malaysia*, hlm. 98.

¹² Muhammad Haji Salleh, *Sejarah Awal Pulau Pinang*, Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia, 2008, hlm. 36.

¹³ “Memoir of Captain Francis Light, Who Founded Penang”, *Journal of The Straits Branch Of The Royal Asiatic Society*, August, Singapura : American Mission Press, 1895, hlm.1.tulisan jurnal italic

¹⁴ Transkripsi Surat Menyurat Francis Light 1780-1790.

¹⁵ Rekod-rekod dari National Archives of India.

¹⁶ Siti Hajar Ismail, “Sejarah dan Perkembangan Balik Pulau Sebelum Merdeka”, *Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan*, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989/1990, hlm.1.

Balik Pulau sebelum merdeka dengan memberikan penekanan kepada aktiviti politik dan pertubuhan siasah orang Melayu Balik Pulau. Beliau turut menyentuh perkembangan kegiatan ekonomi pertanian dan penternakan di Balik Pulau sebelum merdeka, tetapi tidak menyentuh mengenai pentadbiran tanah Balik Pulau dan peraturan berkaitannya. Perkembangan pendidikan sebelum merdeka di Balik Pulau juga turut disentuh dalam kajian beliau.

Justeru satu kajian terperinci mengenai sejarah Balik Pulau perlu dilakukan untuk memberikan maklumat lengkap mengenai sejarah pembukaan dan pentadbiran Balik Pulau untuk rujukan generasi masa kini dan akan datang.

2. Tinjauan Literatur

Sejarah pembukaan Pulau Pinang dan Seberang Perai telah lama dibincang dan dikaji oleh pengkaji dengan tumpuan lebih kepada bidang sosial, politik dan ekonomi di kawasan Timur Laut dan Seberang Perai Tengah seperti Jelutong, Lebuh Aceh, Batu Uban dan Butterworth. Namun kajian dan perbincangan lanjut mengenai Balik Pulau tidak diberikan perhatian yang luas oleh kebanyakan pengkaji.

Terdapat beberapa pengkaji yang menyentuh mengenai sejarah awal Pulau Pinang seperti Muhammad Haji Salleh dalam buku yang disunting bertajuk *Sejarah Awal Pulau Pinang* yang membicarakan mengenai pembukaan Pulau Pinang dan Seberang Perai. Beliau turut menyentuh mengenai pembukaan beberapa daerah di kawasan Balik Pulau.¹⁷

¹⁷ Muhammad Haji Salleh (Peny.), *Sejarah Awal Pulau Pinang, Pulau Pinang* : Universiti Sains Malaysia, 2008, hlm. 36.

Sebuah lagi buku *Dari Tanjung Penaga ke George Town: Membongkar Sejarah Negeri Pulau Pinang* yang disunting oleh Sohaimi Abdul Aziz juga menyentuh mengenai sejarah pembukaan Pulau Pinang tetapi tidak menyentuh mengenai Balik Pulau.¹⁸

Berhubung dengan zaman sebelum pentadbiran British, terdapat beberapa pengkaji yang membuat kajian iaitu Abdul Kahar bin Yusoff dalam kajiannya bertajuk *Historical Survey of The Mosques and Kramats On Penang Island* yang menyentuh mengenai pembukaan daerah dan pembinaan masjid di Pulau Pinang dan Balik Pulau.¹⁹

Terdapat lebih banyak lagi kajian mengenai zaman pentadbiran British. Antaranya Robert Heussler dalam bukunya *British Rule in Malaya: The Malayan Civil Service* yang menyentuh pentadbiran dan pegawai perkhidmatan awam British di Tanah Melayu. Beliau hanya memberikan gambaran yang ringkas mengenai pegawai-pegawai British di Pulau Pinang.²⁰

Selain itu, kajian mengenai zaman pentadbiran British juga boleh dirujuk dalam kumpulan Laporan Tahunan yang dikenali sebagai Straits Settlements (S.S) Blue Book pada tahun 1882 hingga 1938 yang menyebut mengenai pentadbiran Balik Pulau oleh British.²¹

Choy Wai Leng dalam latihan ilmiahnya bertajuk *Kajian Mengenai Sistem Penghulu Di Negeri Pulau Pinang Selepas Perang Dunia Kedua Hingga Zaman*

¹⁸ Sohaimi Abdul Aziz (Peny.), *Dari Tanjung Penaga ke George Town Membongkar Sejarah Negeri Pulau Pinang*, Kuala Lumpur : Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia dan Persatuan Karyawan Pulau Pinang, 2007, hlm. 35.

¹⁹ Abdul Kahar bin Yusuff, et.al, *Historical Survey Of The Mosque And Kramat On Penang Island*, Pulau Pinang : Malayan Teachers College, 1974, tanpa hlm.

²⁰ Robert Heussler, *British Rule in Malaya The Malayan Civil Service And Its Predecessor, 1867-1942*, Oxford: Clio Press, 1981, hlm.8.

²¹ *Straits Settlements (S.S) Blue Book 1882*.

Kemerdekaan menyentuh mengenai pentadbiran penghulu di Pulau Pinang semasa pentadbiran British.²²

Latihan ilmiah Siti Hajar Ismail yang bertajuk *Sejarah Perkembangan Daerah Balik Pulau Sebelum Merdeka* juga menyentuh mengenai zaman pentadbiran British di Balik Pulau terutamanya yang melibatkan perkembangan sosio ekonomi penduduk serta peranan yang dimainkan oleh Pejabat Daerah Balik Pulau.²³

Kajian tentang *Jawi Peranakan di Pulau Pinang Ekspresi Sebuah Identiti* oleh Omar Yusoff hanya menyebut sedikit mengenai tanah wakaf di Balik Pulau tanpa mengulas dengan lebih lanjut.²⁴

Buku yang diusahakan penerbitannya oleh Jabatan Agama Islam Pulau Pinang bertajuk *Sejarah Islam di Pulau Pinang* hanya menyentuh sedikit mengenai Balik Pulau iaitu kongsi gelap Melayu dari Balik Pulau dalam bab yang ditulis oleh Mahani Musa bertajuk “Bendera Putih dan Bendera Merah”.²⁵

Sementara itu, sebuah tesis yang disediakan oleh Nabir bin Haji Abdullah pada tahun 1993 bertajuk “Dasar Tanah Kerajaan di Pulau Pinang 1786-1840-an, Perkembangan dan Masalah Pentadbirannya” menyebut beberapa tempat di Balik Pulau seperti Pondok Upeh, Teluk Bahang dan Genting berkaitan dengan pemilikan tanah serta

²² Choy Wai Leng, “Kajian Mengenai Sistem Penghulu di Negeri Pulau Pinang Selepas Perang Dunia Kedua Hingga Zaman Kemerdekaan”, Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan, Pulau Pinang: USM 1989/89, hlm. 5.

²³ Siti Hajar Ismail, “Sejarah Dan Perkembangan Balik Pulau Sebelum Merdeka”, Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Bangi: UKM, 1989/1990, hlm.3.

²⁴ Omar Yusoff (Peny.), *Jawi Peranakan di Pulau Pinang Ekspresi Sebuah Identiti*, Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia, 2010, hlm. 11.

²⁵ Fadhlullah Jamil(Peny.), *Sejarah Islam di Pulau Pinang : Islam dan Masyarakat Jilid 1*, Pulau Pinang : Jabatan Agama Islam Pulau Pinang, hlm. 97.

bayaran cukai hasil tanah. Namun, ulasan lengkap mengenai tanah di Balik Pulau dan cukai yang dikutip tidak dijelaskan dengan lebih lanjut.²⁶

Selain itu, Persatuan Pendidikan Seni Pulau Pinang di bawah seliaan *Penang Education Council* telah menjalankan kajian terhadap sejarah Balik Pulau pada tahun 2010 bertajuk *My Balik Pulau Discover Balik Pulau*.²⁷ Kajian ini dilakukan oleh 100 orang pelajar berasal dari Balik Pulau yang berumur antara 10 hingga 20 tahun dengan diselia oleh beberapa penyelidik seperti Janet Pillai, Chen Yoke Pin, Kuah Li Feng, Chia Pei Shan dan Bong Jiayi. Sumber utama kajian ialah sejarah lisan penduduk tempatan yang terpilih dan beberapa artikel yang diterbitkan oleh *Penang Heritage Trust*. Mereka tidak menggunakan sumber primer yang terdapat di Arkib Negara Malaysia atau dari arkib luar negara sebaliknya banyak bergantung kepada sejarah lisan dan sumber kedua seperti majalah. Justeru, maklumat mengenai sejarah Balik Pulau yang dilakukan oleh kumpulan ini bukan sahaja tidak lengkap malah menimbulkan persoalan mengenai kesahihan fakta yang dikemukakan.

Secara keseluruhannya, walaupun penulisan tentang sejarah Pulau Pinang juga menyebut mengenai Balik Pulau, namun maklumat yang diberikan amat terhad dan terbatas. Setakat ini belum ada satu bentuk penulisan yang membicarakan mengenai Balik Pulau secara menyeluruh dan lengkap terutamanya melibatkan sejarah pentadbiran tanah dan daerah. Justeru, satu kajian lengkap perlu dilakukan bagi menggambarkan sejarah pembukaan Balik Pulau dan juga perkembangannya sebelum merdeka. Tempoh kajian yang dilakukan ialah antara 1888 hingga 1956 kerana pengkaji ingin memfokus

²⁶ Nabir Abdullah, "Dasar Tanah Kerajaan di Pulau Pinang, 1786-1840-an: Perkembangan dan masalah pentadbirannya", hlm. 222.

²⁷ Janet Pillay, *My Balik Pulau Discover Balik Pulau*, hlm. 2.

kepada pentadbiran Pejabat Daerah Balik Pulau dengan pengenalan jawatan pegawai daerah oleh British serta dasar dan peraturan tanah yang lebih sistematik.

3. Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif kajian iaitu :

1. Mengkaji perkembangan Balik Pulau yang bermula dengan pembukaannya oleh peneroka-peneroka Melayu serta pentadbiran oleh penghulu tradisional sebelum kemasukan pegawai British serta kehidupan sosio ekonomi penduduk Balik Pulau pada 1888 hingga 1956.
2. Mengkaji pentadbiran Pejabat Daerah Balik Pulau serta pentadbiran tanah di Balik Pulau bermula dari tahun 1888 sehingga 1956 dengan melihat peranan yang dimainkan oleh Pejabat Daerah Balik Pulau yang merupakan antara Pejabat Daerah terawal di Tanah Melayu.
3. Mengkaji dan menganalisis perubahan yang berlaku selepas kedatangan British dan kesannya kepada kegiatan sosio-ekonomi masyarakat di Balik Pulau.

Berdasarkan tiga objektif ini, kajian ingin membuktikan pembangunan dan perkembangan tanah di Balik Pulau yang dirintis oleh orang Melayu sebelum diteruskan oleh pentadbir British pada tahun 1888. Kajian ini juga ingin mendedahkan mengenai perancangan dan usaha yang dilakukan oleh British bagi memastikan Balik Pulau terus

maju dan memberi sumbangan kepada negeri Pulau Pinang dari segi penyediaan bekalan makanan dan hasil pendapatan negeri.

4. Skop Kajian

Kajian ini memfokus kepada perkembangan Balik Pulau dengan tumpuan kepada pembangunan dan pentadbiran tanah dan daerah. Balik Pulau dijadikan fokus kajian kerana kawasan ini merupakan kawasan luar bandar yang terpinggir dari arus pembangunan semasa peringkat awal pendudukan British. Selain itu, kajian juga dilakukan untuk memberi gambaran mengenai sejarah dan perkembangan Balik Pulau memandangkan kurangnya penulisan mengenai Balik Pulau dilakukan sebelum ini.

Kajian bermula dari tahun 1888 kerana pada ketika itu, kemajuan pentadbiran tanah dan Balik Pulau telah bermula dengan tertubuhnya Pejabat Daerah Balik Pulau dan pelantikan pegawai daerah yang pertama.

Kajian ini dibahagi kepada enam bab termasuk kesimpulan. Bab pertama merupakan bab pengenalan. Bab kedua membincangkan kegiatan sosio-ekonomi penduduk dan penglibatan mereka dalam sektor pertanian terutamanya penanaman padi dan getah dan tanaman utama yang lain seperti kelapa, bunga cengkih dan sayur-sayuran serta perancangan pentadbir British dalam menyediakan infrastruktur seperti sistem pengairan dan sebagainya dalam menggalakkan dan memajukan sektor pertanian.

Bab ketiga membincangkan pentadbiran Balik Pulau semasa zaman pra kolonial iaitu sebelum penubuhan Pejabat Daerah Balik Pulau pada 1888. Dalam bab ini pengkaji akan menunjukkan corak pentadbiran penghulu tradisional yang diamanahkan untuk mentadbir daerah dan kampung oleh masyarakat tempatan.

Bab keempat pula memfokus kepada kedatangan British dan perubahan pentadbiran di Balik Pulau. Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan mengenai kedatangan British dan pentadbiran pejabat daerah serta peranan pegawai daerah yang menggalas tugas sebagai pentadbir kawasan Balik Pulau. Pengkaji juga akan membincangkan keberkesanan pentadbiran British berbanding pentadbiran tradisional.

Manakala bab kelima pula kajian memberi fokus kepada pentadbiran tanah di Balik Pulau merangkumi struktur pentadbiran tanah British serta langkah kerajaan kolonial memperkemaskan sistem pentadbiran tanah melalui pengenalan peraturan dan cukai tanah yang lebih sistematik dan moden. Dalam bab ini kajian akan mengulas mengenai sistem ukur tanah, sistem Torrens dan sistem cukai hasil tanah yang diperkenalkan oleh British.

Manakala bab keenam merupakan kesimpulan yang akan mengandungi kupasan dan analisa mengenai perubahan yang dilakukan oleh kerajaan kolonial dalam bidang pentadbiran negeri dan tanah serta kesannya kepada penduduk pribumi.

5. Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk mencari jawapan tentang perkembangan Balik Pulau serta sistem pentadbiran tanah yang digunakan. Pelbagai kaedah pencarian sumber digunakan seperti sumber primer iaitu dokumen daripada Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, Arkib Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang dan Arkib Negara Malaysia Negeri Kedah/Perlis. Rujukan utama dilakukan ke atas koleksi Fail Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya, Pulau Pinang di mana fail-fail yang dirujuk merupakan fail Pejabat Daerah Balik Pulau yang menggunakan nama DOBP atau *District Office Balik Pulau*.

Selain itu, rujukan juga dilakukan ke atas koleksi Transkripsi surat-surat Francis Light 1780-1790 dan rekod-rekod Negeri-negeri Selat 1797-1880 dari Arkib Negara India yang berada di dalam simpanan Arkib Negara Malaysia. Rujukan juga dibuat ke atas koleksi terbitan Straits Settlements (S.S) Blue Book 1882-1938, koleksi fail-fail Jabatan Penerangan Negeri Pulau Pinang, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang yang mengandungi maklumat mengenai sejarah pentadbiran Balik Pulau.

Selain itu, buku-buku yang ditulis oleh pengkaji-pengkaji dan ahli sejarah juga menjadi rujukan selain latihan ilmiah dan tesis yang dihasilkan oleh pelajar sarjana dan doktor falsafah. Kaedah lisan juga digunakan kerana sehingga kini masih ada keturunan daripada generasi peneroka terawal seramai 11 orang yang terdiri dari pelbagai latar belakang dan keturunan. Walau bagaimanapun, timbul beberapa masalah dalam kaedah ini, misalnya, masalah pentarikan pembukaan kampung di Balik Pulau. Oleh kerana kebanyakan yang ditemubual adalah generasi ke-5, mereka sukar mengingati tarikh peristiwa-peristiwa yang berlaku. Namun hal ini dapat diselesaikan dengan menggunakan tahun-tahun umum seperti menyebut dekad awal, pertengahan atau hujung atau sekitar 1880-an dan sebagainya. Selain itu, kaedah banding silang digunakan untuk memastikan maklumat yang diberikan itu tepat.

6. Signifikan Kajian

Kajian ini dapat memberi suatu gambaran yang jelas tentang perkembangan pentadbiran daerah dan tanah di Balik Pulau ketika peringkat awal penubuhan petempatan masyarakat Melayu tradisional di kawasan tersebut. Selain itu, ia juga dapat memberikan maklumat mengenai pentadbiran daerah dan tanah di Balik Pulau oleh kerajaan kolonial yang telah

memberikan kesan kepada perkembangan dan pemilikan tanah masyarakat tempatan. Selain itu, pengenalan sistem cukai tanah yang baharu juga telah membolehkan British menjana pendapatan melalui hasil tanah serta memanfaatkannya untuk kepentingan kerajaan kolonial. Kajian ini juga memperlihatkan keadaan sosio-ekonomi penduduk serta peranan yang dimainkan oleh kerajaan kolonial dalam membantu memperbaiki keadaan ekonomi penduduk serta menjadikan Balik Pulau sebagai kawasan sumber bekalan makanan penduduk Pulau Pinang. Pembukaan kawasan ini juga telah memberikan sumbangan yang tidak ternilai kepada negeri Pulau Pinang khususnya di kawasan pulau kerana kewujudan kawasan agro pelancongan, kawasan tadahan hujan, empangan dan sumber tanah untuk kediaman pada masa akan datang.

BAB 2

PERKEMBANGAN SOSIO-EKONOMI PENDUDUK BALIK PULAU 1888-1956

2.1 Latar Belakang Balik Pulau Secara Umum

Balik Pulau merupakan salah sebuah mukim yang terletak di dalam Daerah Barat Daya dengan keluasan 17,345.15 hektar. Sempadannya menganjur sehingga ke Genting berdekatan Teluk Kumbar di sebelah barat dan Paya Terubong di sebelah timur. Di sebelah utara pula sempadannya menganjur sehingga ke Pantai Acheh dan Teluk Bahang. Bentuk mukabuminya landai dengan dikelilingi oleh bukit bukau dan dusun buah-buahan.¹ Antara kampung-kampung yang terdapat di dalam mukim ini ialah Kampung Kongsi, Kampung Batu Putih, Kampung Batu Kecil, Kampung Sungai Pinang, Kampung Sungai Rusa, Kampung Permatang Pasir, Kampung Pokok Manggis, Kampung Titi Teras, Kampung Permatang Tengah, Kampung Sungai Burung, Kampung Terang, Kampung Perlis, Kampung Genting, Kampung Genting Dalam, Kampung Shee Tan, Kampung Paya Simpang Empat Genting, Kampung Pagar Buluh, Kampung Masjid, Kampung Baruh, Kampung Seronok dan Kampung Binjai. Terdapat 22 Mukim dalam kawasan Balik Pulau iaitu Mukim 1 hingga 12 dan Mukim A hingga J. Mukim-mukim tersebut terdiri dari Sungai Pinang (Mukim A dan Mukim 3), Sungai Rusa (Mukim B), Permatang Pasir (Mukim C), Jalan Bahru (Mukim D), Titi Tras (Mukim E), Kongsi (Mukim F), Simpang Empat dan Genting (Mukim G), Kampung Perlis (Mukim I),

¹ Siti Hajar Ismail, “Sejarah dan Perkembangan Balik Pulau Sebelum Merdeka”, Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989/1990, hlm. 3.

Kampung Terang (Mukim J), Pantai Acheh (Mukim 1), Pondok Upeh (Mukim 6), Pulau Betong (Mukim 7) dan Sungai Burong (Mukim H).²

Nama Balik Pulau membawa maksud di sebalik pulau atau di belakang Pulau Pinang yang dipisahkan dari banjaran bukit bukau yang berhutan rimba merentang di bahagian tengah Pulau Pinang. Mukim ini mendapat namanya melalui orang-orang Melayu yang membuka kawasan ini.³ Tarikh sebenar Balik Pulau dibuka sukar ditentukan. Edward Lancaster, seorang pengembara Inggeris yang pernah mendarat di Pulau Pinang pada bulan Jun, 1592 mengatakan bahawa pulau ini tidak berpenghuni. Ini berdasarkan keadaan Pulau Pinang ketika itu yang berbukit bukau dan berhutan rimba. Beliau mengulas keadaan Pulau Pinang seperti berikut :

“ Oysters growing on rocks, great wilks and some few fish which we took with our hookes...”⁴

Menjelang ketibaan Francis Light pada 1786, kebanyakan tanahnya masih diliputi oleh hutan tebal dan tidak semua kawasan pulau didiami penduduk walaupun beliau telah bertemu dengan sekumpulan penduduk tempatan yang mendakwa mendiami Datuk Kramat sejak 90 tahun sebelumnya.⁵ Light kemudiannya membersihkan hutan-hutan untuk didirikan pelabuhan dan bandar. Menurut Captain Macalister, sebelum Francis Light tiba, pulau ini telah pun didiami oleh orang-orang Melayu. Ini berdasarkan kepada bukti dari kesan tanah perkuburan orang Melayu yang terdapat di kedua-dua belah Jalan

² *Ibid.*

³ S.M. Zainul Abidin, *Nama Tempat-tempat di Pulau Pinang*, Pulau Pinang :Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Pulau Pinang, 1979, hlm. 8.

⁴ Richard O Winstedt, *Britain and Malaya : 1786-1941*, London :Longmans, 1944, hlm. 7.

⁵ Dalam catatannya, Francis Light mengakui telah berjumpa dengan sekumpulan penduduk tempatan seramai 52 orang yang diketuai oleh Maharaja Setia yang telah mendiami Datuk Kramat sejak 90 tahun sebelumnya. Penduduk tempatan tersebut kemudiannya bekerja dengan beliau untuk menebas hutan dan semak samun bagi dijadikan petempatan pihak Inggeris. Lihat “Memoir of Captain Francis Light, Who Founded Penang” dalam *Journal Of The Straits Branch Of The Royal Asiatic Society*, August, Singapura : American Mission Press, 1895, hlm. 1.

Perak di selatan Sungai Pinang dan dalam kawasan Green Lane dengan Jalan Perak. Selain itu, terdapat juga bukti petempatan di Teluk Jelutong atau Jelutong dan Sungai Keluang di sebelah selatan Pulau Pinang.⁶

Terdapat juga sumber lisan mengenai tokoh yang membuka Balik Pulau terdiri dari orang-orang Melayu dari pelbagai negeri seperti Kedah, Aceh, Perlis dan Siam. Seorang peminat sejarah tempatan, Dato' Haji Omar bin Ratin mendakwa, Kampung Terang di Balik Pulau telah dibuka oleh seorang tokoh terkenal dari Sumatera yang digelar Tok Terang. Menurutnya Kampung Terang merupakan petempatan yang terawal berbanding dengan kampung-kampung lain. Bukti kewujudan Tok Terang ialah sebuah kubur lama yang dikatakan milik Tok Terang yang terletak di Kampung Terang.⁷

Ada juga teori yang mengatakan pembukaan Balik Pulau berlaku selepas pembukaan Pulau Pinang oleh Francis Light. Petempatan pertama orang Melayu di Balik Pulau telah dibuka oleh seorang tokoh dari negeri Kedah iaitu Tok Che Mat yang merupakan pelarian perang yang terlibat dengan peperangan melawan tentera Siam. Beliau telah mendirikan masjid Kongsu sebagai tempat beribadah orang-orang Melayu yang menjadi pengikutnya.⁸

Selain itu, terdapat juga orang-orang Melayu dari Kedah, Patani dan Perlis yang berhijrah ke Seberang Perai dan Pulau Pinang untuk tinggal di bawah perlindungan Inggeris kerana takut dengan ancaman peperangan dan kekejaman yang dilakukan oleh tentera Siam.⁹ Pada 12 November 1821, angkatan tentera Siam yang menyerang dan

⁶ F.G. Stevens, "A Contribution to the Early History of Prince of Wales Island", *Journal Malayan Branch, Royal Asiatic Society*, Vol. VII, 1929, hlm. 385.

⁷ Temubual dengan Dato' Haji Omar bin Ratin pada 12.1.2011 di Balik Pulau.

⁸ Abdul Kahar bin Yusuff, et. al, *Historical Survey Of The Mosque And Kramat On Penang Island*, Pulau Pinang : Malayan Teachers College, 1974, tanpa hlm.

⁹ Buyong bin Adil, *Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajah : Abad 15-19*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985, hlm. 123.

mendarat di Kuala Kedah telah membunuh penduduk kampung serta memusnahkan kampung halaman mereka. Justeru, bagi mengelakkan implikasi yang lebih buruk, kebanyakan mereka mengambil keputusan untuk melarikan diri dan berhijrah ke Pulau Pinang.¹⁰

Kesan dari peperangan antara Kedah dan Siam menyebabkan berlakunya gelombang penghijrahan keluar penduduk Kedah ke Seberang Perai dan Pulau Pinang. Perpindahan ini berlaku secara besar-besaran sehingga pada tahun 1851, jumlah penduduk Kedah mengalami kemerosotan yang ketara.¹¹ Kebanyakan daripada mereka telah membuka petempatan baharu di Seberang Perai dan juga Pulau Pinang khususnya Balik Pulau. Kumpulan pelarian ini menggunakan jalan laut untuk menyusuri kawasan pantai Balik Pulau di mana kawasan ini belum lagi mempunyai penghuni. Mereka kemudiannya membuka petempatan yang berselerak di kawasan landai yang berhampiran dengan sungai bagi memudahkan urusan seharian seperti mandi dan menangkap ikan. Orang-orang Melayu dari Kedah merupakan kumpulan yang paling ramai berbanding dengan orang-orang Melayu dari Perlis dan Patani. Kawasan petempatan yang menjadi tumpuan ialah Kampung Kongsu dan Permatang Pasir. Tokoh pemimpin yang membuka Permatang Pasir ialah Tok Aak bin Lebai Ismail.¹²

Selain dari Permatang Pasir dan Kongsu, Pondok Upeh juga merupakan salah sebuah petempatan baharu pertama dibuka di Balik Pulau. Petempatan ini juga dibuka oleh orang-orang Melayu yang lari dari penindasan Siam. Kumpulan ini kemudiannya

¹⁰ R. Bonney, *Kedah 1771-1821: The Search for Security and Independence*, Kuala Lumpur : Oxford University Press, 1971, hlm.166.

¹¹ Zainal Abidin bin Abdul Wahid, *Sejarah Malaysia Sapintas Lalu*, Kuala Lumpur :Dewan Bahasa dan Pustaka, 1972, hlm. 81 & 82.

¹² Abdul Kahar bin Yusuff, et.al, *Historical Survey Of The Mosque And Kramat On Penang Island*, tanpa halaman.

membuka petempatan baharu di Simpang Empat dan Paya Genting. Orang-orang Melayu di petempatan ini terdiri daripada campuran antara orang Kedah dan Patani. Sekumpulan orang Melayu Pattani kemudiannya membuka petempatan baharu di Titi Tras. Menurut Haji Abdul Rahman bin Tahir, seorang peminat sejarah tempatan, Kampung Titi Tras telah dibuka oleh orang Melayu dari selatan Siam di mana Penghulunya yang pertama bernama Muhammad Saad Benua. Sementara itu satu lagi petempatan baharu bernama Sungai Rusa telah dibuka oleh orang-orang Melayu dari Kedah.¹³ Petempatan di Kampung Perlis pula telah dibuka oleh orang-orang Melayu dari Perlis yang turut melarikan diri dari kekejaman tentera Siam.¹⁴

Selain imigran Melayu dari utara Semenanjung Tanah Melayu dan selatan Siam, terdapat juga imigran dari Aceh yang berhijrah ke Pulau Pinang melalui jalan laut. Ini disebabkan hubungan dagang antara orang-orang Sumatera dan Pulau Pinang serta Kedah telah wujud sejak sekian lama sebelum kedatangan Inggeris. Di Kedah juga telah wujud petempatan orang-orang Aceh khususnya di Yan dan Seberang Perai. Orang Aceh memiliki sifat suka merantau dan berdagang terutamanya ke negeri-negeri yang mempunyai pelabuhan dagang. Tumpuan utama orang Aceh ialah bandar George Town bagi memudahkan mereka menjalankan aktiviti perniagaan dengan pihak Inggeris. Walau bagaimanapun, terdapat juga di antara imigran dari Aceh yang membuat keputusan untuk mendiami kawasan baharu di Balik Pulau di sekitar Pantai Aceh kerana tidak sanggup tinggal di bawah pemerintahan Belanda.¹⁵

¹³ Temuramah dengan Haji Abdul Rahman bin Tahir di Kampung Titi Tras pada 5.2. 2011.

¹⁴ Abdul Kahar bin Yusuff, et.al., *Historical Survey of the Mosque and Kramat on Penang Island*, Tanpa halaman.

¹⁵ Hafiza Amir, "Masyarakat Aceh di Tanah Melayu :Tumpuan Sosio-Ekonomi dari Tahun 1573 hingga 1970-an", Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan, Bangi :Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988, hlm. 36.

2.2 Pentadbiran Daerah Balik Pulau dan Kegiatan Penduduk Secara Umum

Sejak kewujudan Pejabat Daerah di Balik Pulau pada 1888, penduduknya telah bertambah dan terdiri dari berbilang bangsa yang merangkumi kaum Melayu sebagai golongan majoriti diikuti kaum Cina dan India. Jika penduduk Melayu mewujudkan kampung-kampung tradisional yang menggambarkan asal-usul mereka, kaum Cina pula membangunkan pekan Kongsı yang menjadi nadi utama Balik Pulau sebagai pusat perniagaan dan pentadbiran kerajaan.¹⁶ Banci rasmi yang dikeluarkan oleh pihak Inggeris pada bulan April 1891 menunjukkan jumlah penduduk Kongsı, Balik Pulau ialah sebanyak 1396 orang.¹⁷ Banci penduduk Negeri-Negeri Selat yang dikeluarkan pada 1881 menunjukkan jumlah penduduk seramai 190,597 orang yang terdiri dari berbagai bangsa.¹⁸

Jadual 2:1 Perbandingan Jumlah Penduduk Pulau Pinang
Pada Tahun 1881 dan 1891

1881		1891	
Kaum	Jumlah	Kaum	Jumlah
Eropah dan Amerika	674	Eropah dan Amerika	1201
Serani	1597	Serani	1712
Cina	67,820	Cina	87,920
Melayu	91,977	Melayu	106,756
Tamil	27,239	Tamil	36,245
Lain-lain	1,290	Lain-lain	1784
Jumlah	190,597	Jumlah	235,618

(Sumber: *Census of Penang, Province Wellesley, and Dindings, 1881*, Straits Settlement Blue Book Volume II-1895)

¹⁶ Temuramah dengan Dato' Haji Omar bin Ratin pada 12.1.2011 di Balik Pulau.

¹⁷ Straits Settlement Blue Book Volume II-1895, *Census 1891, Straits Settlements April 1891*, hlm. 98.

¹⁸ Straits Settlement Blue Book Volume II- 1895, *Census of Penang, Province Wellesley, and Dindings, 1881*, hlm. 18.

Jumlah penduduk Pulau Pinang semakin bertambah dari setahun ke setahun berdasarkan perolehan banci yang dilakukan pada tahun-tahun seterusnya setiap sepuluh tahun sekali.¹⁹ Banci yang dijalankan pada 1901 pula mendapati jumlah penduduk Pulau Pinang ialah seramai 248,207 orang berbanding 235,618 orang pada tahun 1891. Jumlah penduduk berketurunan Melayu ialah 106,000 orang diikuti Cina sebanyak 98,424 orang dan India 38,051.²⁰

Jadual 2:2 Perbandingan Jumlah Penduduk Pulau Pinang dan Balik Pulau 1901-1931

1901		1911		1921		1931	
Pulau Pinang	Balik Pulau	Pulau Pinang	Balik Pulau	Pulau Pinang	Balik Pulau	Pulau Pinang	Balik Pulau
248,207	-	278,003	25,276	304,335	26,122	359,851	31,305

(Sumber : *Report On The Census Of The Straits Settlements Taken On 1st March 1901*, Straits Settlement (S.S) Blue Book-1932)

Jumlah orang Melayu di Balik Pulau pada 1911 ialah seramai 15,534 orang, diikuti orang Cina 8,600 dan orang India seramai 1,049 orang. Jumlah penduduk Pulau Pinang pada tahun 1921 ialah 304,335 orang manakala jumlah penduduk Balik Pulau pula sebanyak 26,122 orang. Dari jumlah itu, penduduk keturunan Eropah 6 orang, *Eurasian* atau Serani 7 orang, Melayu 15,345 orang, Cina 9,721 orang, India 1,015 orang dan lain-lain kaum 28 orang. Jumlah penduduk Pulau Pinang meningkat pada 1931 kepada 359,851 dengan orang Melayu 115,721, orang Cina 176,518 dan orang India 58,020. Penduduk Balik

¹⁹J.E. Nathan, *The Census of British Malaya* (The Straits Settlements, Federated Malay States and Protected States of Johore, Kedah, Perlis, Kelantan, Trengganu and Brunei) 1921, London :Waterlow & sons limited, 1922, hlm. 155.

²⁰ Straits Settlement (S.S) Blue Book-1932, *Report On The Census Of The Straits Settlements Taken On 1st March 1901*.

Pulau pula ialah 31,305 orang dengan orang Eropah 6, Serani 15, Melayu 15,746, Cina 13,965, India 1,449, lain-lain kaum ialah 61.²¹

Penduduk Balik Pulau terdiri daripada pelbagai kaum seperti Melayu, Cina, India dan Serani. Kedatangan kaum-kaum ini ke Balik Pulau bermula dengan pembukaan Pulau Pinang oleh Francis Light pada tahun 1786.²² Tarikh awal pembukaan Balik Pulau tidak dapat ditentukan dengan tepat kerana terdapat banyak pendapat dan fakta yang berbeza.²³ Kajian melalui sejarah lisan ke atas generasi keempat dan kelima penduduk Balik Pulau telah menemui beberapa fakta mengenai kedatangan peneroka-peneroka dari luar Pulau Pinang.²⁴ Kaum Melayu dianggap sebagai kaum terawal yang meneroka Balik Pulau dan daerah barat daya berdasarkan kesan-kesan penempatan mereka seperti kampung, tanah perkuburan dan juga masjid.²⁵ Kedatangan kaum-kaum Melayu dari bahagian lain di Pulau Pinang dan Seberang Perai, Kedah, Perlis, Aceh dan selatan Siam telah membentuk satu komuniti yang unik disebabkan latarbelakang dan budaya yang pelbagai.²⁶ Masing-masing membina petempatan di kampung yang mempunyai nama dengan tempat asal usulnya seperti Kampung Perlis, Sungai Aceh, Kampung Terang dan sebagainya.²⁷

Jumlah sebenar penduduk Balik Pulau pada masa pembukaannya tidak dapat dipastikan dengan tepat.²⁸ Menurut sejarah lisan, ketika dibuka, kawasan Balik Pulau dikatakan tiada penghuni kerana bentuk mukabuminya yang berbukit-bukau dan berhutan

²¹ C.A.Vlieland, *Report On The 1931 Census And On Certain Problems Of Vital Statistics*, London : Malayan Information Agency, 1932.

²² Siti Hajar Ismail, "Sejarah dan Perkembangan Balik Pulau Sebelum Merdeka", Latihan Ilmiah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Bangi :Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989/1990, hlm. 3.

²³ Temubual dengan Dato' Haji Omar bin Ratin di Balik Pulau pada 12.1.2011.

²⁴ *Ibid.*

²⁵ *Ibid.*

²⁶ Temubual dengan Haji Abdul Rahman bin Tahir di Kampung Titi Tras pada 5.2.2011.

²⁷ *Ibid.*

²⁸ *Ibid.*

rimba.²⁹ Banci penduduk yang dilakukan oleh kerajaan British pada tahun 1891, menunjukkan jumlah penduduk di dua kawasan di dalam Balik Pulau seramai 2,875 orang dengan kawasan Kongsi seramai 1,396 orang sementara Bayan Lepas pula 1,479 orang.³⁰ Banci yang dijalankan pada 1947 pula, mendapati jumlah penduduk Balik Pulau ialah 35,430 orang seperti di bawah³¹

Jadual 2:3 Jumlah Penduduk Balik Pulau 1947

Bil	Mukim	Populasi
1	A	1,672
2	B	666
3	C	899
4	D	1,620
5	E	1,239
6	F	372
7	G	498
8	H	553
9	I	617
10	J	897
11	1	1,204
12	2	1,622
13	3	1,428
14	4	1,180
15	5	433
16	6	1,929
17	7	1,045
18	8	738
19	9	2,248
20	10	916
21	11	1,805
22	12	9,713
23	Kampung Balik Pulau	2,136
Jumlah		35,430

(Fail Pejabat Daerah Balik Pulau No. DOBP 17/50
Population Unit Index)

²⁹ *Ibid.*

³⁰ *Census of Penang, Province Wellesley and Dindings*, 1881, Straits Settlement Blue Book 1882, hlm. 18.

³¹ Fail Pejabat Daerah Balik Pulau No. DOBP 17/50 *Population Unit Index*, Group Assistant Registration Officer, Pulau Pinang, 9.1.50.